



KENYATAAN MEDIA MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA

“PEMANTAUAN OPERASI KHAS BERSEPADU KENDERAAN PELANCONGAN, PERKHIDMATAN AWAM DAN PERDAGANGAN”

Gombak, 6 Ogos 2024 – Kementerian Pengangkutan Malaysia melalui JPJ berusaha mengatasi kemalangan jalan raya, terutama kenderaan pelancongan, perkhidmatan awam, dan perdagangan, dengan melaksanakan penguatkuasaan bersepadu untuk memantau, mengesan, dan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik serta pemandu kenderaan yang melanggar peraturan.

Operasi khas bersepadu kenderaan pelancongan, perkhidmatan awam dan perdagangan dilaksanakan adalah tindakan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) serta Kaedah-Kaedah dibawahnya, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (Akta 334), Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (Akta 715) dan Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 (Akta 594).

Operasi Khas Bersepadu Kenderaan Pelancongan dan Kenderaan Perkhidmatan Awam (Bas Persiaran & Ekspres) yang telah diadakan bermula pada 2 Julai hingga 31 Julai 2024 memfokuskan kepada semua bas persiaran dan bas ekspres yang berada dalam keadaan yang selamat dan pemandu yang mempunyai lesen kompeten serta kenderaan yang mematuhi semua peruntukan undang-undang yang ditetapkan. Berdasarkan kepada operasi tersebut, statistik telah menunjukkan bahawa :

OPERASI KHAS KENDERaan PELANCONGAN DAN PERKHIDMATAN AWAM (BAS PERSIARAN DAN EKSPRES)				
BIL	PERKARA	STATISTIK (2 Julai - 31 Julai 2024)		
		Bas Persiaran	Bas Ekspres	Jumlah
1	Kenderaan Diperiksa	7,308	12,148	19,456
2	Kenderaan Diambil Tindakan	417	250	667
3	Kenderaan Disita	13	1	14
4	Notis yang dikeluarkan			
	JPJ (P) 22	448	361	809
	Arah Periksa – Sek 61 (1)	344	90	434
	PG.1 – Sek 59	232	99	331
	Lain-lain Notis APJ	6	1	7
	APAD	16	3	19
	Jumlah	1,046	554	1,600

Menerusi operasi tersebut, pihak JPJ dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) telah melakukan saringan ujian urin ke atas pemandu bas persiaran dan ekspres. Hasil pemeriksaan daripada 2,547 pemandu bas persiaran dan ekspres, seramai 26 pemandu telah positif dadah.

Dalam pada itu, bagi memastikan tahap pematuhan undang-undang terhadap kenderaan perdagangan yang menggunakan lebuh raya, pihak JPJ telah melaksanakan Operasi Khas Kenderaan Perdagangan memfokuskan kepada kenderaan perkhidmatan barang, kenderaan perkhidmatan awam (bas persiaran) berkaitan kesalahan teknikal, kesalahan lalu lintas dan kesalahan-kesalahan utama bermula 1 Ogos hingga 31 Ogos 2024.

Hasil daripada Operasi Khas Kenderaan Perdagangan dalam statistik 1 Ogos hingga 5 Ogos 2024 menunjukkan :

OPERASI KHAS KENDERAAN PERDAGANGAN DI LEBUH RAYA				
BIL	PERKARA	STATISTIK (1 Ogos - 5 Ogos 2024)		
		Kenderaan Perdagangan	Lain-Lain Kenderaan	Jumlah
1	Kenderaan Diperiksa	15,368	26,975	42,343
2	Kenderaan Diambil Tindakan	1,959	1,766	3,725
3	Kenderaan Disita	12	16	28
4	Notis Yang Dikeluarkan	5,489	3,599	9,088

"Dalam tempoh lima (5) hari Ops tersebut dijalankan, seramai 21 orang pemandu dikesan positif dadah hasil daripada pemeriksaan saringan ujian urin terhadap 276 orang pemandu kenderaan perdagangan.

Ini bermakna dalam setiap 13 orang pemandu terdapat seorang yang berada di bawah pengaruh dadah apabila menjalankan tugas iaitu memandu di jalan raya. Ini adalah keadaan yang amat membimbangkan.

Pihak JPJ tidak berkompromi dengan pemandu-pemandu yang tidak kompeten dalam mengendalikan kenderaan-kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam. Pemandu-pemandu kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam yang didapati positif dadah boleh dikenakan tindakan dibawah Seksyen 36 iaitu kuasa untuk menggantung lesen memandu penagih dadah. Syarikat pengangkutan yang terbabit juga akan diambil tindakan penguatkuasaan yang tegas di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Akta Pengangkutan Awam Darat yang boleh membawa kepada penggantungan dan pembatalan lesen pengendali.

MOT dan JPJ ingin menegaskan kepada semua pemilik dan pemandu kenderaan pelancongan, perkhidmatan awam dan perdagangan supaya sentiasa bertanggungjawab untuk mematuhi peraturan-peraturan jalan raya yang telah ditetapkan dibawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) dari semasa ke

semasa bagi memastikan keselamatan semua pengguna jalan raya seterusnya mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

MOT dan JPJ juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada agensi-agensi yang terlibat dalam operasi-operasi bersepadu bersama JPJ seperti Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), PLUS dan ANIH Berhad. Pengguna jalan raya juga dinasihatkan untuk membuat laporan aduan berkaitan kesalahan lalu lintas secara terus atau *real time* menggunakan **Aplikasi MyJPJ: e-Aduan@JPJ** atau emel **aduantrafik@jpj.gov.my** beserta dengan butiran lengkap aduan.

“Pandu Cermat, Sampai Selamat”.

**YB LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA
6 OGOS 2024**

[TAMAT]